

NO SOALAN :48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.10.2014

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memastikan jumlah pendapatan pelaburan terus kekal sementara berdepan kadar inflasi dijangka terus meningkat hingga 2015.

JAWAPAN

uan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan caruman ahli KWSP adalah terjamin, KWSP

sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berdisiplin dan berhemat, sejajar dengan peruntukan Seksyen 26 Akta KWSP 1991. Strategi pelaburan KWSP adalah berteraskan kepada Alokasi Aset Strategik di mana peruntukan alokasi aset adalah berdasarkan perancangan pelaburan jangka panjang selaras dengan objektif pelaburannya iaitu melindungi dan memberi nilai tambah kepada wang simpanan ahli.

Strategi pendiversifikasi kelas aset yang optimum adalah elemen yang penting dalam memastikan simpanan ahli tidak terjejas (*capital preservation*) akibat inflasi dan pada masa yang sama mampu menjana pulangan yang kompetitif. Bagi pelaburan jangka panjang KWSP, komposisi aset pelaburan KWSP adalah berisiko rendah dan pendedahan yang tinggi kepada instrumen berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang stabil.

Selain itu, KWSP turut melaksanakan pendiversifikasian portfolio dengan mempertingkatkan pendedahan ke dalam kelas aset yang lain seperti Ekuiti, Hartanah dan Infrastruktur sama ada domestik mahupun global dalam julat yang dibenarkan bagi mengoptimumkan pulangan pada

julat risiko yang berpatutan. KWSP sentiasa mencari peluang melabur dalam aset yang matang, berkualiti, mempunyai kadar pulangan tinggi serta mampu menjana pendapatan yang stabil untuk diagihkan sebagai dividen tahunan kepada ahli.